

KERATAN AKHBAR ONLINE

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : 13 Ogos 2023

SITASI :

M/S :

“KRT Gerakkan Pusat Tuisyen Bantu Pelajar Kurang Mampu.” *Berita Harian*, 13 Aug. 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1140062/krt-gerakkan-pusat-tuisyen-bantu-pelajar-kurang-mampu>. Accessed 15 Aug. 2023.



KRT gerakkan pusat tuisyen bantu pelajar kurang mampu

Ogos 13, 2023 @ 7:20pm



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (tiga dari kiri) menerima sumbangan dana daripada Lembaga Tabung Haji bagi pelaksanaan tuisyen KAMI. - Foto Facebook Kementerian Perpaduan Negara

KUALA LUMPUR: Pusat Tuisyen KAMI di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Serdang, Petaling, Selangor hari ini dilancarkan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, untuk menyediakan pendidikan tambahan percuma kepada pelajar kurang berkemampuan.

Kementerian Perpaduan Negara dalam kenyataan hari ini memaklumkan, inisiatif itu juga bagi membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik, memenuhi tanggungjawab sosial kementerian itu kepada masyarakat dan merealisasikan aspirasi kerajaan untuk 'Memperkasa Rakyat' melalui pendidikan berkualiti.

Menurut kenyataan itu, tuisyen akan dilaksanakan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang digerakkan oleh KRT.

Ia menyasarkan pelajar calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 daripada keluarga kurang berkemampuan, berprestasi sederhana serta lemah dalam akademik.

Kenyataan itu juga menyebut, program berkenaan akan dilaksanakan melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang menyasarkan komuniti pedalaman, asnaf dan golongan B40.

"Program ini memberi fokus kepada enam mata pelajaran teras bagi SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam.

"Ia dilaksanakan selama satu tahun. Pada enam bulan pertama, kelas tuisyen akan dijalankan berserta pemantauan akademik, bengkel pembangunan modal insan atau pempukan dan pembangunan.

"Seterusnya, Jejak Lepas SPM akan dibuat selama enam bulan untuk memantau hala tuju pelajar dan keberhasilan program," menurut kenyataan itu.

Kementerian Perpaduan Negara berkata, inisiatif bantuan makanan turut dilaksanakan sepanjang tuisyen itu bagi memastikan pelajar dapat menghadiri kelas dengan selesa dan fokus tanpa perlu berulang-alik ke rumah yang akan meningkatkan kos perbelanjaan logistik mereka.

Program itu mendapat kerjasama daripada Lembaga Tabung Haji yang menyalurkan dana RM500,000 untuk pelaksanaan tuisyen bagi tempoh 2023/2024, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Pendidikan.

Tuisyen KAMI adalah antara inisiatif terbaharu kementerian itu dalam 'Membangun Komuniti MADANI' dan turut mendapat kerjasama Perpustakaan Negara yang menyumbangkan 500 buku dan seterusnya melancarkan Unity Library di KRT Taman Sri Serdang. – BERNAMA